

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk memperkukuhkan infrastruktur kesalinghubungan rakyat Malaysia melalui Jalinan Digital Negara (**JENDELA**).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos lalu merupakan inisiatif oleh Kerajaan dan pemain industri bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur yang lebih cepat dan menyeluruh.

3. Melalui JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Sasaran fasa pertama yang bermula sekarang sehingga tahun 2022 adalah:

- a. penambahan daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk; serta
- c. mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

4. JENDELA juga akan melibatkan penamatan rangkaian 3G secara berperingkat sehingga akhir 2021 untuk mengoptimumkan penggunaan spektrum bagi pemantapan rangkaian 4G. Bagi fasa kedua dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12, akan melibatkan antaranya penyediaan teknologi 5G selepas platform yang kukuh di dalam fasa pertama ini dapat dicapai.

5. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama-sama dengan Kementerian serta syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan mendukung komitmen untuk memberi pengalaman terbaik kepada rakyat dan menjana pembangunan semula negara melalui penyediaan infrastruktur komunikasi yang mampan.

6. Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.